



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 1980

SKIM PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk menguatkuasakan Skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada Lampiran "A" yang telah diubahsuai menurut syarat-syarat perkhidmatan di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet. Tarikh kuatkuasa Skim Perkhidmatan ini ialah 1hb November, 1978.

Pemakaian skim oleh Pegawai dalam perkhidmatan

2. Dengan penguatkuasaan skim perkhidmatan yang baru di Lampiran "A" itu, pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dalam perkhidmatan adalah dianggap sebagai telah dilantik di bawah skim baru yang tersebut dan apa-apa syarat yang dikenakan di dalam perlantikan hendaklah diubahsuai sejajar dengan syarat-syarat skim perkhidmatan di Lampiran "A" Pekeliling ini.

3. Gaji yang diterima oleh pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang dilantik sebelum daripada 1hb November, 1978 hendaklah diubah daripada A20: \$865-2,205 kepada A19: \$925-2,205 menurut sifir pemindahan pada Lampiran "B" kepada Pekeliling ini dan selepas itu kepada tanggagaji semakan A19: \$1,060-2,340 dalam Lampiran "B" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1980 mengikut sifir pemindahan di Jadual Bilangan PA-112.

4. Tarikh kenaikan gaji bagi pegawai-pegawai yang terlibat dalam pemindahan gaji di bawah Pekeliling ini adalah tidak berubah kecuali dalam keadaan di mana dua atau lebih matagaji atas tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji atas tanggagaji baharu. Di dalam keadaan yang demikian tarikh kenaikan gaji adalah berubah menurut Lampiran "C" kepada Pekeliling ini.

Pembatalan

5. Pekeliling-pekelling perkhidmatan yang berikut adalah dibatalkan:

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 26 Tahun 1973;

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 25 Tahun 1974.

Am

6. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan adalah diminta mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan skim perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang baru ini serta menyampaikan kandungan Pekeliling ini kepada pengetahuan pegawai-pegawai yang berkenaan dan pegawai-pegawai yang menguruskan hal ehwal perjawatan dan perkhidmatan di bawah bidang kuasa mereka.

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.

15hb November, 1980.

[JPA. (S) 535/24/Jld. 2/(79A).]

LAMPIRAN "A"

**SKIM PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN TADBIR
DAN DIPLOMATIK**

TARIKH KUATKUASA: 1hb November, 1978

KUMPULAN A

<i>Tingkatan</i>	<i>Tanggagaji</i>
Tingkatan Biasa	A19: \$1,060 × 60-1,180/ Sekatan Percubaan/ 1,300 × 60-1,540/ Sekatan Kecekapan/ 1,660 × 60-1,840 × 100- 2,340.
Tingkatan Kanan	A11: \$2,095 × 100-2,595.
Tingkatan Tertinggi "G"	A10: \$2,650 × 120-2,770.

1. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi 40 tahun. Calon-calun daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun. Umur.

2. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: Kelayakan
Masuk.
 - (a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (b) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (c) Lulus Peperiksaan memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang ditetapkan; dan
 - (d) Telah menjalani Latihan Pra Perkhidmatan yang ditetapkan serta mendapat Diploma Pengurusan Awam dari Instituti Tadbiran Awam Negara (INTAN).

3. (a) Ketua Perkhidmatan boleh, jika perlu dari masa ke semasa memberi peluang bagi lantikan kepada calon-calun dari kalangan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir Am atau Perkhidmatan Tadbir Negeri yang telah disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat: Perlantikan
Pegawai-
pegawai
Sedang
Berkhidmat.
 - (i) sekurang-kurangnya 3 tahun bagi mereka yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kepujian, dan
 - (ii) 5 tahun bagi mereka yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau lain-lain kelulusan.
- (b) Calon yang dipilih dalam urusan pengambilan ini dikehendaki mengikuti kursus seperti di 2 (d).

- (c) Pegawai-pegawai PTA atau PTN yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kepujian tetapi belum disahkan dalam jawatan, boleh dibenarkan membuat permohonan bagi lantikan, tetapi mereka hendaklah lulus peperiksaan memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang ditetapkan dan juga hendaklah menjalani latihan Pra-Perkhidmatan yang ditetapkan dengan sepenuhnya serta mendapat Diploma Pengurusan Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Permohonan untuk Memasuki Peperiksaan Masuk Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Permohonan untuk Lantikan ke dalam Perkhidmatan.
4. Permohonan-permohonan untuk memasuki peperiksaan masuk Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.
5. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Calon-calon yang berjaya dalam peperiksaan di perenggan 2 (c) di atas sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- Tempoh Percubaan.
6. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun.
- Latihan.
7. Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
- Peperiksaan.
8. Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan.
- Mempelajari Bahasa Lain.
9. Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada sebarang masa boleh dikehendaki mempelajari bahasa atau bahasa-bahasa lain sehingga mencapai satu peringkat kemahiran yang ditentukan oleh Ketua Perkhidmatan.
- Pengesahan dalam Jawatan.
10. Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Tingkatan Biasa yang telah:
- (a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan,
 - (b) lulus peperiksaan yang ditetapkan, dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatannya bagi pegawai yang memegang jawatan Persekutuan, atau oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bagi pegawai yang memegang jawatan negeri,
- adalah layak disahkan dalam jawatan.
- Melangkah Sekatan Kecekapan.
11. Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Tingkatan Biasa yang telah:
- (a) disahkan dalam jawatan,

- (b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah Sekatan Kecekapan, dan
- (c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan bagi pegawai memegang jawatan Persekutuan atau daripada Setiausaha Kerajaan Negeri bagi pegawai yang memegang jawatan negeri bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,

adalah layak melangkah Sekatan Kecekapan.

12. Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Tingkatan Biasa yang telah :

Kenaikan Pangkat ke Tingkatan Kanan.

- (a) disahkan dalam jawatan,
- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut, dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan,

adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong.

13. Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat selama tidak kurang daripada 2 tahun dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan-tertinggi "G" yang kosong.

Kenaikan Pangkat ke Tingkatan Tertinggi "G"

14. Dalam keadaan istimewa pegawai-pegawai yang telah disahkan dalam jawatan serta telah membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat dari Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Tingkatan Biasa ke Tingkatan Kanan atau dari Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Tingkatan Kanan ke Tingkatan-tertinggi "G" walaupun perkhidmatannya belum mencukupi tempoh yang disyaratkan dalam perenggan 12 dan 13.

Kenaikan Pangkat dalam Keadaan Istimewa.

15. Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Tingkatan-tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan-tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.

Kenaikan Pangkat ke Tingkatan Tertinggi yang Lebih Tinggi.

16. Semua Pegawai yang dilantik di bawah skim perkhidmatan ini adalah dikehendaki berkhidmat sama ada di dalam atau di luar negeri atas kepentingan perkhidmatan.

Perkhidmatan di dalam dan di Luar Negeri.

LAMPIRAN "B"

PERKHIDMATAN/JAWATAN	KEMENTERIAN/JABATAN
1. Pegawai Tadbir dan Diplomatik	Pelbagai Jabatan
TANGGAGAJI	
1. Tanggagaji Sekarang:	A20: \$865 × 60-985/ 1,105 × 60-1,345/ 1,465 × 60-1,705 × 100- 2,205
2. Tanggagaji Baru	A19: \$925 × 60-1,045/ 1,165 × 60-1,405/ 1,525 × 60-1,705 × 100- 2,205

SIFIR PEMINDAHAN GAJI

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
865.00	}	925.00	925.00
925.00			
985.00			
		1,045.00	
1,105.00	}	1,165.00	1,165.00
1,165.00			
1,225.00			
1,285.00		1,225.00	
1,345.00		1,285.00	
		1,345.00	
		1,405.00	
1,465.00	}	1,525.00	1,525.00
1,525.00			
1,585.00			
1,645.00		1,585.00	
1,705.00		1,645.00	
		1,705.00	
1,805.00		1,805.00	
1,905.00		1,905.00	
2,005.00		2,005.00	
2,105.00		2,105.00	
2,205.00		2,205.00	

LAMPIRAN "C"

PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK

PINDAAN TARIKH KENAIKAN GAJI BAGI PEKERJA-PEKERJA YANG DIBERI PEMINDAHAN GAJI DARI DUA MATA GAJI DALAM TANGGAGAJI SEKARANG KEPADA SATU MATA DALAM TANGGAGAJI BARU MULAI
1HB NOVEMBER, 1978

	Tarikh kenaikan Gaji yang baru
(i) Pekerja-pekerja yang menerima gaji yang tinggi pada :	
1hb November, 1977 kepada 31hb Disember, 1977	1hb Disember, 1978
1hb Januari, 1978 kepada 28hb Februari, 1978	1hb Januari, 1979
1hb Mac, 1978 kepada 30hb April, 1978	1hb Februari, 1979
1hb Mei, 1978 kepada 30hb Jun, 1978	1hb Mac, 1979
1hb Julai, 1978 kepada 31hb Ogos, 1978	1hb April, 1979
1hb September, 1978 kepada 31hb Oktober 1978	1hb Mei, 1979
(ii) Pekerja-pekerja yang menerima gaji yang rendah pada :	
1hb November, 1977 kepada 31hb Disember, 1977	1hb Jun, 1979
1hb Januari, 1978 kepada 28hb Februari, 1978	1hb Julai, 1979
1hb Mac, 1978 kepada 30hb April, 1978	1hb Ogos, 1979
1hb Mei, 1978 kepada 30hb Jun, 1978	1hb September, 1979
1hb Julai, 1978 kepada 31hb Ogos, 1978	1hb Oktober, 1979
1hb September, 1978 kepada 31hb Oktober, 1978	1hb November, 1979